

TARIKH	7 / 7 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	19	RUANGAN	Nasional

Kuota kurang tak jejas urusan haji

» TH puas hati persiapan untuk jemaah berada tahap optimum

Oleh Sophia Ahmad

► Kuala Lumpur

Lembaga Tabung Haji (TH) memberi jaminan persiapan untuk musim haji tahun ini tidak akan terjejas oleh pengurangan kuota 20 peratus jemaah yang dikenakan Kerajaan Arab Saudi.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Paduka Ismee Ismail, berkata pihaknya berpuas hati dengan semua persiapan serta kemudahan disediakan untuk jemaah yang kini sudah memasuki fasa terakhir.

"Memang saban tahun kami sentiasa memastikan kemudahan disediakan berada pada tahap optimum, malah melangkaui sasaran yang kita tetapkan, khususnya tahun ini," katanya ketika ditemui pemberita pada majlis penye-

rahan hadiah kepada johan qari dan qariah majlis Tilawah al-Quran peringkat kebangsaan, di sini, semalam.

Wabak bukan di kawasan aktiviti haji

Mengenai penyebaran wabak Middle East Respiratory Syndrome Coronavirus (MERS-CoV) di seluruh dunia, Ismee berkata, ia diyakini tidak akan mendatangkan kesan kepada jemaah haji kerana penyebaran wabak itu dikesan di bahagian yang bukan pusat aktiviti haji.

"Kita percaya kebarangkalian untuk jemaah dijangkiti wabak itu agak rendah, namun begitu kita tetap meminta semua jemaah berwaspada dan berhati-hati menjaga kesihatan," katanya.

Dalam perkembangan lain, be-

liau mengulangi pendirian TH yang tidak bercadang meminta pampasan daripada Kerajaan Arab Saudi seperti dilakukan Indonesia berikutan tindakan memotong kuota haji seluruh dunia.

Kementerian Hal Ehwal Agama Indonesia sebelum ini dilaporkan berkata, pengurangan kuota haji mengakibatkan banyak pihak di negara itu kerugian kerana bayaran deposit sudah dibuat untuk urusan penginapan dan makan minum di Arab Saudi sepanjang musim haji.

Ismee berkata, TH sentiasa bersedia dengan pelan keceemasan untuk menangani sebarang masalah di luar jangka dan memastikannya dapat diselesaikan dengan baik, termasuk susulan arahan pengurangan kuota jemaah seperti yang berlaku musim ini.